

# Terpakkan nilai kesukarelawan

## ► Sarahan kepada sisa-siswi UMS dalam berbakti kepada masyarakat

UB . 14.2.2018 B3

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) meneruskan misi membuka ruang dan peluang kepada siswa-siswi menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat menerusi program Gotong Royong Bersama Komuniti Tawau.

Program yang diadakan bertempat di Taman Awam

Pelita melibatkan kerjasama di antara 130 pelajar UMS turut mendapat sokongan daripada penduduk perumahan Taman Bintang dan Taman BDC serta penglibatan daripada agensi kerajaan di Tawau dan pelajar MRSM Tawau.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia Datuk Dr

Mary Yap Kain Ching berkata, program gotong royong bukanlah sekadar membersihkan kawasan tetapi ia menerapkan nilai kesukarelawan dalam diri siswa-siswi.

“Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menggalakkan pelajar melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawan dan

membantu masyarakat menerusi program seperti ini.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada UMS, agensi kerajaan di Tawau dan penduduk Taman Bintang dan Taman BDC yang memberikan sepenuh sokongan bagi menjayakan program murni ini,” katanya yang



KAMARUDIN (dua kiri) menyampaikan cenderahati kepada Mary (dua kanan) sambil diperhatikan Ismail (kiri) dan Lily Medriana (kanan).

**“Menerusi program sebegini, ia akan dapat membentuk sikap tolong menolong dan sensitif dengan setiap masalah yang wujud dalam masyarakat. Selain itu, siswa-siswi UMS dapat mengenali budaya masyarakat di sekitar Tawau ini.”**

### PROF DR ISMAIL ALI

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS

turut merasmikan program gotong royong itu.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali berkata, program kesukarelawan dapat menyemai jiwa keprihatinan dalam diri siswa-siswi UMS.

“Menerusi program sebegini, ia akan dapat membentuk sikap tolong menolong dan sensitif dengan setiap masalah yang wujud dalam masyarakat.

“Selain itu, siswa-siswi UMS dapat mengenali budaya masyarakat di sekitar Tawau ini,” katanya.

Selain gotong royong membersihkan kawasan perumahan, aktiviti pemeriksaan kesihatan percuma turut dijalankan.

Turut terlibat menjayakan program ini ialah Majlis Perbandaran Tawau, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan, Hospital Tawau, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Penjara dan Kementerian Belia dan Sukan.

Turut hadir memeriahkan aktiviti ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dan Pengurus Harta Benda MPT Lily Medriana Serigar.



MARY (tengah, memakai topi) bergambar bersama pegawai utama UMS dan pelajar sebelum acara gotong royong bermula.